

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Ahad, 21 Mac 2021 11:54 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 'Frontliner' PKU Terima Vaksin Covid-19



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 MAC 2021 / 7 SYAABAN 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Dr. Rabi'ah Abdul Ghani
Gambar oleh: PKU

FRONTLINER PKU TERIMA VAKSIN COVID-19



UUM ONLINE: Seramai 54 petugas barisan hadapan (frontliner) Pusat Kesihatan Universiti (PKU) telah menerima suntikan dos pertama vaksin Comirnaty dari syarikat Pfizer BioNTech, baru-baru ini.

Pengarah PKU, Dr. Adi Azhar Abdul Razak berkata, semua petugas terlibat telah menerima suntikan pertama itu oleh pasukan vaksinator terdiri enam staf Klinik Kesihatan Changlun.

Menurutnya, sebelum suntikan diberi, mereka diberikan taklimat terlebih dahulu oleh Pegawai Perubatan PKU, Dr. Rabi'ah Abdul Ghani tentang vaksin tersebut dan semua penerima vaksin telah dikenal pasti tidak mempunyai kontraindikasi untuk menerima vaksin.

"*Frontliners* ini adalah kumpulan yang berhadapan dengan risiko yang tinggi semasa menjalankan tugas.


"Saya meminta seluruh warga universiti untuk mendaftar dalam aplikasi MySejahtera dan juga dengan jabatan masing-masing. Kita perlu bersama-sama menjayakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK)," katanya.

Program dimulakan dengan staf mendaftar secara *online* melalui MySejahtera. Maklumat pendaftaran disemak dalam sistem oleh staf pasukan Vaksinator. Penerima vaksin kemudian perlu mengisi dan menandatangani borang persetujuan (consent) untuk menerima vaksin dengan disaksikan seorang Pegawai Perubatan dari Pasukan Vaksinator sebelum diberi suntikan oleh jururawat terlatih dari Pasukan Vaksinator secara *intramuscular* pada otot lengan atas. Suntikan dos kedua vaksin akan diberi selepas 21 hari.

#lindung diri, lindung semua



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.